



MAJLIS DAERAH RAUB

JABATAN KESIHATAN AWAM & PERKHIDMATAN PERBANDARAN

GARIS PANDUAN

PERMOHONAN PERMIT PEKAN SEHARI & PASAR MALAM

TARIKH KUATKUASA GARIS PANDUAN

OKTOBER 2021

BAHAGIAN PELESENAN

NO TEL: 09-3551175 (EXT:116)

YANG DIPERTUA

MAJLIS DAERAH RAUB

27600 RAUB

PAHANG DARUL MAKMUR

1.0 PENGENALAN

TUJUAN

Garis panduan ini disediakan bertujuan untuk memberi maklumat kepada pemohon permit pekan sehari, pasar malam dan pasar pagi di kawasan pentadbiran Majlis Daerah Raub sebagai satu dokumen tentang tatacara proses permohonan mengikut peraturan yang ditetapkan. Adalah menjadi kewajipan pemohon mendapatkan permit yang sah dari Majlis Daerah Raub sebelum menjalankan sebarang perniagaan.

2.0 JENIS PERMIT YANG DIKELUARKAN

- 2.1 Permit Minggu – Diadakan setiap hari ahad di Tapak Pekan sehari Ahad Bandar Raub
- 2.2 Permit Pasar Pagi – Diadakan setiap pagi di kawasan yang telah diluluskan iaitu di Pekan Dong (Rabu) dan di Sg Ruan (Dataran Sg Ruan)
- 2.3 Permit Pasar Malam- Diadakan dikawasan yang diluluskan iaitu:
 - Pasar Malam bukit koman (Isnin & Khamis)
 - Pasar Malam Sg Ruan (Sabtu)
 - PasarMmalam Sg Klau (Ahad)
 - Pasar Malam Dong (Selasa)
 - Pasar Malam Cheroh (Rabu)

Permit ini dikeluarkan kepada peniaga di kawasan yang telah ditetapkan oleh Majlis. Pemohon boleh memohon berapa banyak kawasan perniagaan dan tertakluk kepada kekosongan tapak yang disediakan.

Bayaran yang dikenakan adalah RM30 setahun berserta caj harian mengikut kadar yang ditetapkan oleh Majlis.

Tempoh kelulusan adalah dalam tempoh satu hari bergantung kepada kekosongan tapak perniagaan.

Caj Harian yang dikenakan adalah berdasarkan kepada jenis jualan seperti berikut:

<i>Jenis Jualan</i>	<i>Kadar caj harian</i>
- Sayur Kampung	Rm 1.00
- Ikan Laut	Rm7.00
- Ikan kolam/sangkar	Rm4.00
- Ayam/daging	RM4.00
- Sayur import	Rm5.00
- Runcit	Rm7.00
- Makanan/minuman	Rm2.00
- Kain/kasut/Pelbagai	Rm7.00
- Ubat tradisional	Rm4.00

Caj Rm2.00 dikenakan untuk setiap petak tambahan (sekiranya melebihi 2 petak)

Waktu berniaga adalah sebagaimana ditetapkan oleh Majlis :-

Pasar minggu : Jam 6.00 pagi hingga 12.00 tengahari

Pasar pagi : Jam 6.00 pagi hingga 12.00 tengahari

Pasar malam : Jam 3.00 petang hingga 12.00 malam

3.0 ASAS PERUNDANGAN

UNDANG-UNDANG

3.1 UUK Pengendali makanan (Majlis Daerah Raub) 1984

3.2 UUK Penjaja (Majlis Daerah Raub) 1987

4.0 SYARAT PEMATUHAN PERMOHONAN

4.1 SEBELUM PERMOHONAN

Pemohon perlu menyediakan dokumen berikut:

DOKUMEN ASAS YANG PERLU DISERTAKAN
Salinan kad pengenalan pemohon
Gambar ukuran passport (2 keping)
Salinan sijil suntikan Ty2 (Bagi pengendali makanan)

4.2 SYARAT-SYARAT AM PEMATUHAN SELEPAS KELULUSAN

4.2.1 Permit hendaklah sentiasa dipamerkan bagi tujuan pemeriksaan (Sek 107 (5) Akta 171

4.2.2 Permit hendaklah diperbaharui setiap tahun.

4.2.3 Permit tidak boleh disalahguna, dipindah milik atau dipinda kepada sesiapa pun.

4.2.4 Perniagaan yang dijalankan hanya berdasarkan permit yang diluluskan sahaja.

4.2.5 Tiap-tiap permit adalah tertakluk kepada syarat dan sekatan yang difikirkan oleh Majlis.

4.2.6 Setiap lesen boleh dibatalkan bila-bila masa jika melanggar mana-mana peruntukan undang-undang.

4.2.7 Peniaga yang gagal hadir tanpa sebab sebanyak 3 minggu berturut-turut akan dibatalkan permitnya.

- 4.2.8 Peniaga dan semua pekerja hendaklah mendapatkan pemeriksaan kesihatan dan Suntikan TY2 daripada Pegawai Perubatan kerajaan sahaja.
- 4.2.9 Peniaga dan semua pekerja hendaklah menghadiri Kursus Pengendalian Makanan yang diiktiraf oleh Kementerian Kesihatan.
- 4.2.10 Peniaga dan semua pekerja perlu berpakaian bersih, kemas, berseluar panjang, dan memakai baju berlengan, dan mengamalkan kebersihan diri pada setiap masa.
- 4.2.11 Peniaga dan semua pekerja mestilah memakai penutup kepala dan apron berwarna cerah yang bersih serta memakai kasut yang sesuai.
- 4.2.12 Peniaga hendaklah menyediakan tong sampah yang mencukupi dan dilarang meninggalkan sampah di tempat perniagaan.
- 4.2.13 Peniaga hendaklah memastikan tempat perniagaan sentiasa bersih, kemas, dan teratur.
- 4.2.14 Peniaga dilarang sama sekali meninggalkan peralatan perniagaan di tapak perniagaan.
- 4.2.15 Petak tidak boleh disewakan atau dipindahmilik kepada sesiapa pun.
- 4.2.16 Berniaga di petak yang diluluskan oleh Majlis sahaja. Tindakan penguatkuasaan boleh diambil jika berniaga di luar petak yang diluluskan.
- 4.2.17 Peniaga dibenarkan menggunakan meja dan payung sahaja, penggunaan khemah bertali adalah dilarang.
- 4.2.18 Peniaga dilarang meletak kenderaan di dalam petak, hanya peralatan sahaja dibenarkan.
- 4.2.19 Peniaga hendaklah mempamerkan 'TANDA HARGA' bagi setiap barangan yang dijual.
- 4.2.20 Setiap peniaga sentiasa menggunakan hand sanitizer dan memakai sarung tangan, sentiasa memakai penutup mulut dan hidung (face mask).
- 4.2.21 Mengamalkan jarak 1 meter antara pelanggan semasa pembelian dan elakkan sentuhan terus ketika berhubung dan berurusan.
- 4.2.22 Jarak Kanopi antara peniaga mestilah berukuran 3 meter.

4.3 SEKATAN PERNIAGAAN

- 4.3.1 Hanya warganegara Malaysia sahaja dibenarkan berniaga
- 4.3.2 Perniagaan hanya kawasan yang ditetapkan oleh Majlis Daerah Raub
- 4.3.3 Peniaga dari luar kawasan daerah Raub tidak dibenarkan.

5.0 KAEDAH PERMOHONAN

5.1 Pemohon hendaklah hadir sendiri ke bahagian pelesenan Majlis Daerah Raub untuk mendapatkan borang permohonan permit ataupun di lawan sesawang http://www.mdraub.gov.my/sites/default/files/mdraub/sumber/muat_turun_borang/muat_turun_borang/lesen1.pdf

5.2 Borang Permohonan Dan Keperluan Dokumen Sokongan

Borang permohonan yang digunakan ialah Borang Lesen Penjaja.

- Borang permohonan dan dokumen yang lengkap hendaklah diserahkan di kaunter bahagian pelesenan. Pemohon akan diberikan resit bayaran proses permohonan sebagai rujukan.

5.3 Bayaran Yang Dikenakan (Fi dan Caj)

- Pemohon akan dikenakan caj bayaran RM5.00 bagi tujuan pemprosesan.

5.4 Pemohon yang berjaya akan diberitahu secara telefon dan surat kelulusan

BORANG PERMOHONAN HENDAKLAH DISERAHKAN DI KAUNTER BAHAGIAN PELESENAN. HANYA PERMOHONAN YANG LENGKAP SAHAJA YANG AKAN DITERIMA DAN DIPROSES.

6.0 PEMBAHARUAN, PINDAAN DAN PEMBATALAN PERMIT

6.1 Pembaharuan Permit

Permit perniagaan diperlu diperbaharui setiap tahun. Tarikh tamat lesen adalah pada 31 Disember setiap tahun dan pelesen diberi sehingga bulan february tahun hadapan bagi memperbaharuinya di Bahagian Pelesen Majlis Daerah Raub. Pelesen perlu membawa permit perniagaan tahun sebelum dan Salinan cukai pintu sebelum membuat pembaharuan permit.

6.2 Pindaan Permit


Pelesen hendaklah memaklumkan kepada bahagian pelesenan sekiranya terdapat pindaan kepada maklumat permit.

6.3 Pembatalan Permit

Sekiranya permit perniagaan ingin ditamatkan, pelesen dikehendaki membuat pembatalan di bahagian pelesenan dengan mengisi borang pembatalan atau menulis surat dan nyatakan sebab-sebab pembatalan.

7.0 CARTA ALIR PERMOHONAN

PERMIT PASAR MINGGU & PASAR MALAM (KELULUSAN 30 MINIT)



GAMBAR
PEMOHON
BERUKURAN
PASPORT



BORANG KOMPOSIT LESEN PENJAJA

PIHAK BERKUASA TEMPATAN



ARAHAN

1. Sila isikan borang permohonan ini dengan lengkap, terang dan jelas.
2. Tandakan (/) dalam kotak berkenaan.

PERMOHONAN YANG LENGKAP SAHAJA DITERIMA UNTUK DIPROSES.

(Sila susun dokumen mengikut turutan dan tuliskan nombor di sebelah kanan atas dokumen tersebut)

1. Borang Komposit Lesen Penjaja.
2. Satu (1) salinan Kad Pengenalan.
3. Surat Kebenaran Daripada Pemilik Tanah
4. Dua (2) keping Gambar Berukuran Pasport (satu dilekatkan di borang dan Satu dikeplkan pada Borang).

DISI OLEH PEMOHON (✓)	(KEGUNAAN PEJABAT) DI ISI OLEH PEGAWAI KAUNTER	
	ADA	TIADA

BORANG TELAH DISEMAK :

Tidak lengkap dan dikembalikan

Lengkap dan diterima

.....
(TANDATANGAN & COP PEGAWAI)

Tankh :

A. MAKLUMAT PERIBADI PEMOHON

1. Nama Penuh : _____
2. No. I/C : _____
3. Alamat Surat : _____
Menyurat
4. No. Tel. Rumah : _____
H/P : _____
6. Bangsa : Melayu Cina India Lain (Nyatakan _____)
7. Jantina : Lelaki Perempuan

BAHAGIAN I

B. PERMOHONAN LESEN PENJAJA

1. Jenis Penjaja Statik Beredar
2. Status Tanah (Jika Statik) Hak Milik Persendirian Tanah Kerajaan Tanah Sewa Lain (Nyatakan _____)

Bagi Penjaja Statik Nyatakan :-

- a) Bilangan Meja Pelanggan (Jika berkaitan) : _____
- b) Keluasan Gerai Jika Berkaitan : _____

3. Alamat Premis : _____
Perniagaan

4. Jenis Jualan :

MAKANAN

MINUMAN

LAIN-LAIN


5. Masa Jualan : Dari _____ hingga _____

6. Jenis Kenderaan (Beredar) : _____

- Kereta Sorong Motosikal Van
- Basikal Motosikal Roda Tiga Lori
- Beca/basikal/ Roda Tiga Kereta/ Wagon


7. No. Pendaftaran Kenderaan : _____

8. Pelan Lokasi Dipohon




BAHAGIAN II
C. PERMOHONAN LESEN PASAR MALAM / PEKAN SEHARI / PASAR TANI/PASAR MINGGU

1. Lokasi Dipohon :



2. Jenis Jualan :



3. Jumlah Tapak/ Lot: _____

BAHAGIAN III
D. PENGAKUAN PEMOHON

1. Saya dengan ini mengaku segala maklumat yang diberikan dalam borang ini adalah benar.
2. Saya berjanji akan menyerahkan semula lesen ini jika maklumat yang diberikan ini tidak benar.
3. Saya berjanji mematuhi segala syarat-syarat yang ditetapkan jika sekiranya saya ditawarkan lesen ini.

Tandatangan Pemohon

Tarikh

